

04/01/2002

Dewan Muda bantu lahir usahawan berwibawa

Nor Liza Ahmad

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), menerusi bahagian barunya yang dikenali Dewan Muda kini bersiap sedia membantu melahirkan lebih ramai usahawan berwibawa dan berdaya saing dalam pembangunan ekonomi negara dan globalisasi.

Pengerusi Dewan Muda, Azlan Shah Jaffril, berkata penubuhan bahagian baru itu sejajar matlamat mewujudkan mekanisme berkesan menyatukan usahawan lelaki Melayu, sekali gus mewujudkan satu rangkaian kukuh.

Dewan Muda yang ditubuhkan Julai tahun lalu, kini dianggotai kira-kira 500 usahawan berumur antara 18 tahun hingga 35 tahun. Ia akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 11 Januari ini.

Azlan Shah berkata, usahawan muda Melayu perlu lebih peka terhadap perkembangan dunia semasa selain meningkatkan keupayaan mereka dalam menghadapi persaingan perniagaan.

"Antara kelemahan usahawan muda Melayu, mereka tidak mengambil berat terhadap soal semasa dan kurang mengetahui apa itu Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan globalisasi.

"Mungkin orang beranggapan dengan menyertai Dewan Muda semata-mata untuk mendapat kontrak tetapi kami tidak memberi sebarang kontrak sebaliknya bertanggungjawab sebagai pusat maklumat," katanya pada taklimat media mengenai prapelancongan Dewan Muda di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, Dewan Muda yang juga bertanggungjawab sebagai fasilitator akan membantu usahawan mengenal pasti masalah yang dihadapi di samping memberi penerangan mengenai cara berurusan dengan pihak tertentu.

"Kebanyakan mereka kurang pendedahan bagaimana untuk berurusan dengan bank dan kerajaan, malah mereka juga tidak mengetahui adanya pelbagai dana yang disediakan kerajaan," katanya.

Katanya, Dewan Muda akan bekerjasama dengan kelab usahawan lain termasuk Kelab Bumiputera dan Kelab Profesional dalam usaha mewujudkan jaringan kukuh di kalangan usahawan Bumiputera.

"Berbeza dengan usahawan Cina, kekuatan mereka terletak kepada sikap bersatu padu dalam menjalankan perniagaan," katanya sambil menambah usahawan Bumiputera perlu mengikis sikap tidak apa dalam diri mereka.

Dewan Muda pada masa depan merancang mengadakan pelbagai seminar termasuk berkaitan pengurusan akaun dan usaha sama dengan institusi pendidikan bagi melatih ahli dalam bidang komunikasi dan teknologi maklumat (ICT).

Azlan Shah yang juga Ahli Majlis Eksekutif DPMM berharap portfolio baru dewan itu berupaya membentuk satu pakatan berkesan dan berjaya melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera yang berdaya tahan dan berdaya maju.

(END)